

26 SEP 2001

Isa-Tasik

KERAJAAN NEGERI SETUJU NAIK TARAF LANDSKAP TAMAN TASIK SEREMBAN

SEREMBAN, 26 Sept (Bernama) -- Kerajaan negeri telah bersetuju untuk menaikkan taraf landskap di Taman Tasik Seremban di sini yang melibatkan kos RM4.5 juta.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata fakulti reka bentuk dan seni bina Universiti Putra Malaysia (UPM) telah dilantik sebagai juruperunding.

"Satu pelan induk telah disediakan oleh fakulti berkenaan untuk mengindah dan mencantikkan lagi kawasan tasik berkenaan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan exco di sini, hari ini.

Katanya cadangan juruperunding itu melibatkan tiga fasa dengan fasa satu melibatkan kerja mengalihkan taman burung, menaikkan taraf perparitan, pembinaan pelantar laluan dan tempat rehat.

Mohamed Isa berkata fasa kedua pula ialah membina jeti dan kemudahan bersampan, tempat letak kereta dan pembinaan jambatan manakala fasa ketiga meliputi pembinaan kawasan permainan kanak-kanak, penanaman pokok dan sebagainya.

Katanya air di tasik itu telah dikeringkan untuk kerja menggantikan pembetung yang bocor, membaiki tembok atau jeti yang pecah dan membersihkan tangki.

Mengenai pakej rangsangan berjumlah RM4.3 bilion yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, beliau berkata ia adalah satu langkah bijak kerajaan yang diambil secara pro aktif.

"Saya percaya dengan langkah ini ekonomi kita akan cergas di samping memberi faedah kepada rakyat. Kerajaan negeri mengalu-alukan dan menghargai usaha yang dibuat oleh kerajaan persekutuan.

"Sebagai contoh kerajaan negeri pada peringkat awal telah mendapat peruntukan RM20 juta untuk projek-projek pembangunan kecil di bandar dan di luar bandar. Peruntukan itu telah kita agih-agihkan kepada semua daerah dan wakil rakyat untuk projek kemudahan asas di kampung dan bandar," katanya.

-- BERNAMA

RP AKD